

JABATAN BENDAHARI

Ruj. Kami : UPSI/BEN/B/570/2021(4)
Tarikh : 23 SEPTEMBER 2021
16 SAFAR 1443H

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Ybhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL.5/2021 – GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAM UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, Universiti perlu memastikan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan.
3. Sehubungan itu pihak pengurusan Universiti telah meluluskan pelbagai langkah bagi memastikan perbelanjaan secara berhemah dapat dilaksanakan oleh UPSI seperti berikut :-
 - 3.1 Langkah penjimatan bagi penganjuran persidangan, seminar, pameran, mesyuarat, kursus, bengkel dan aktiviti di dalam dan luar kampus UPSI
 - 3.2 Kebenaran menginap di Scholar's Suites yang berada dalam lingkungan 25 kilometer daripada ibu pejabat bagi tujuan persidangan, seminar, pameran, mesyuarat, kursus, bengkel dan aktiviti yang dijalankan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) UPSI
 - 3.3 Pelaksanaan bagi tempahan jamuan untuk persidangan, seminar, pameran, mesyuarat, kursus, bengkel dan aktiviti di dalam dan luar kampus UPSI yang dihadiri oleh agensi luar
 - 3.4 Pelaksanaan bagi penyediaan jamuan makan tengahari untuk penganjuran bengkel di peringkat PTJ di dalam kampus UPSI
 - 3.5 Langkah penjimatan bagi tuntutan-tuntutan kakitangan program praktikum/latihan mengajar dan latihan industri UPSI
4. Sehubungan itu, perincian yang berkaitan dengan perbelanjaan berhemah di atas telah dijelaskan di dalam Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemah UPSI yang boleh diperolehi melalui laman web Jabatan Bendahari <http://bendahari.upsi.edu.my>.

1.../

5. Pemakaian pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta. Bagi memudahkan rujukan dan mengelakkan kekeliruan dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Bendahari Bil.5/2019 bertarikh 17 Jun 2019 adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"UPSI NO. 1 PENDIDIKAN"

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED, C.A. (M), ASEAN CPA)
Bendahari

s.k : YBhg. Dato' Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)